# Bengkel Ibu Bapa P5 & P6

## Penulisan (SAMMBoB) & Interaksi Penulisan (S.I.A.P)



# Kandungan Bengkel




## 01
### Keseluruhan Penilaian
Penilaian berdasarkan PSLE

## 02
### Penulisan
Penulisan berdasarkan strategi

## 03
### Interaksi Penulisan
Interaksi Penulisan S.I.A.P

## 04
### Tips untuk Ibu Bapa

# Objektif Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah

*Kemahiran Interaksi*

*Kemahiran Interaksi*




- Berbual
- Berdialog
- Berbincang dalam kumpulan
- Bermain peranan

- Membaca dan memberikan respons terhadap iklan,
- Memberikan respons secara bertulis melalui e-mel, blog, nota ringkas, komen dalam blog

Curriculum Planning & Development Division

# Penilaian Bahasa Melayu (PSLE)

**Kertas 1:**

Karangan – 40 markah

**Kertas 2:**

Imbuhan – 20 markah
Peribahasa – 10 markah
Golongan Kata – 10 markah
Kefahaman 1 (Objektif) – 10 markah
Frasa – 8 markah
Kefahaman 2 (Rangsangan Grafik) – 10 markah
Kefahaman 2 (Subjektif) – 22 markah

**Lisan:**

Bacaan Lantang – 20 markah
Perbualan berdasarkan video – 30 markah

**Kefahaman Mendengar:**

Kefahaman mendengar – 20 markah

200

ABC

# Penilaian Bahasa Melayu Asas (PSLE)

**Kertas 1:**
Kosa kata – 5 markah
Kefahaman Objektif – 4 markah
Kefahaman Rangsangan Grafik – 6 markah

**Lisan:**
Bacaan Lantang – 30 markah
Perbualan berdasarkan video – 40 markah

**Kefahaman Mendengar:**
Kefahaman mendengar – 30 markah

115

# Kertas 1 (Karangan)- 40 markah

**ARAHAN :** Kertas ini mengandungi **dua** soalan. Pilih **SATU** soalan sahaja. Kamu diberi masa 50 minit untuk membaca soalan dan menulis sebuah karangan mengenai soalan pilihan kamu itu. Kamu tidak seharusnya **menggunakan lebih daripada 10 minit** untuk memilih soalan.

Dengan menggunakan **tidak kurang daripada 150 patah perkataan**, tulis sebuah karangan berdasarkan soalan pilihan kamu itu.

**SOALAN 1**

**Satu kejadian yang menyedarkan saya tentang pentingnya bersikap jujur**

Kamu boleh menggunakan butir-butir yang berikut:

- kejadian apa yang membuat kamu sedar akan pentingnya bersikap jujur
- bila kejadian itu berlaku
- bagaimana perasaan kamu apabila kejadian itu berlaku
- apa yang kamu pelajari daripada kejadian tersebut

**SOALAN 2**

Perhatikan gambar bersiri di bawah ini. Tulis sebuah karangan berdasarkan gambar tersebut dan ceritakan apa yang berlaku selanjutnya. Kamu boleh menggunakan perkataan dan frasa yang diberi.




| | |
|---|---|
| pasar serbaneka | minuman |
| tidak membenarkan | rak-rak |
| ternampak | menyimpan |
| menahan | terkejut |

# Kertas 1 Karangan (40 markah)

## Penilaian

**Isi – 20 markah**
**Bahasa – 20 markah**

### Primari 5

- 120 patah perkataan
- Pilih satu soalan sahaja

### Primari 6

- 150 patah perkataan
- Pilih satu soalan sahaja

# Kertas 2 (90 markah)

**IMBUHAN (20 MARKAH)**

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini. Kemudian, lorek bujuran bernombor di Kertas OAS yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

Baru-baru ini, program vaksinasi di Singapura telah diperkenalkan. **(1)**_______ warga emas telah diberikan vaksinasi pada awal bulan Februari.

14 buah pusat vaksinasi telah **(2)**_______ operasi di merata Singapura. Seramai 1500 pegawai **(3)**_______ diperlukan untuk membantu operasi di pusat vaksinasi itu. Setiap pusat vaksinasi mempunyai **(4)**_______ untuk menyuntik 3,000 orang pada setiap hari.

Keadaan yang **(5)**_______ telah dilaporkan di semua pusat vaksinasi. Warga emas yang pergi ke sana **(6)**_______ menunggu giliran dengan sabar dan diberikan panduan oleh kakitangan yang **(7)**_______ di situ. Beberapa pusat vaksinasi telah **(8)**_______ oleh Syarikat Thomson.

Menteri Kesihatan, Encik Gan Kim Yong **(9)**_______ agar ramai warga emas dapat menerima vaksin mereka dalam masa terdekat ini.

"**(10)**_______ ke pusat vaksinasi jikalau warga emas mengalami demam atau tidak sihat," tambahnya lagi.

Menurut pemerintah, lebih daripada sejuta penduduk Singapura dijangka menerima vaksin Covid-19 menjelang akhir tahun ini.

1. (1) golongan (2) menggolongkan (3) tergolong (4) penggolongan
2. (1) bermula (2) memulakan (3) permulaan (4) termula
3. (1) berubat (2) mengubatkan (3) perubatan (4) terubat
4. (1) berupaya (2) keupayaan (3) mengupayakan (4) terupaya
5. (1) aturan (2) beratur (3) peraturan (4) teratur
6. (1) dilibat (2) kelibatan (3) melibat (4) penglibatan
7. (1) bertugas (2) menugaskan (3) tugasan (4) petugas
8. (1) dikendalikan (2) kendalian (3) mengendalikan (4) pengendali
9. (1) berharap (2) harapan (3) harapkan (4) mengharap
10. (1) Elakkan (2) Mengelak (3) Terelak (4) Pengelak

(lihat halaman sebelah)

**PERIBAHASA (10 MARKAH)**

**Arahan:** Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini. Kemudian, lorek bujuran bernombor di Kertas OAS yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

Puan Faridah duduk di atas sofa tanpa berkata apa-apa. Dia sudah terbiasa mendengar pekikan anak-anaknya di dalam ruang tamu. Puan Faridah **(11)** tidak tahu apa yang hendak dilakukannya. Sudah puas dia menasihati mereka supaya tidak bergaduh.

Perangai Fina dan Fara **(12)** seperti langit dengan bumi. Fina seorang yang degil manakala Fara pula seorang yang **(13)** berperangai mulia dan berniat baik. Puan Faridah bingung memikirkan kelakuan mereka itu. Puan Faridah cuba **(14)** bercakap dengan lemah-lembut kepada mereka berdua.

"Hubungan adik-beradik harus dijaga dengan baik semenjak kecil lagi seperti **(15)** air dicencang tiada putus," pesan Puan Faridah.

Beberapa hari kemudian, Fina dan Fara telah berbaik semula. Puan Faridah berasa gembira melihat perubahan anak-anaknya itu.

11. (1) mati akal (2) tajam akal (3) perah otak (4) panjang akal
12. (1) sangat baik (2) sangat rapat (3) sangat sesuai (4) sangat berbeza
13. (1) baik budi (2) murah hati (3) rendah hati (4) diam-diam ubi
14. (1) fasih lidah (2) ambil berat (3) manis mulut (4) ringan mulut
15. (1) usaha yang sia-sia (2) mempunyai perasaan yang sabar (3) berdamai dan melupakan pertelingkahan (4) perselisihan antara adik-beradik tidak akan berpanjangan

**GOLONGAN KATA (10 MARKAH)**

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini. Kemudian, lorek bujuran bernombor di Kertas OAS yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

Puan Kalsom mula berleter lagi. Anak lelakinya, Azman, tidak mengendahkan nasihatnya itu. Dia sibuk mengemas beg bolanya. Puan Kalsom risau kerana anaknya lebih **(16)** _______ perhatian kepada latihan bola sepaknya. Azman memang pandai membahagikan masa. Namun, Puan Kalsom kurang faham tentang **(17)** _________ kegemaran Azman itu.

Pada suatu hari, Azman telah menerima berita bahawa dia telah dipilih sebagai pemain **(18)** ________ dalam pasukan bola sepaknya. Tidak sia-sia usahanya selama ini untuk berlatih **(19)** _________ setiap hari.

Kini, sikap Puan Kalsom telah berubah. Dia selalu memberikan kata-kata semangat **(20)** ______ Azman akan terus mencuba. Puan Kalsom percaya Azman akan berjaya apabila dia dewasa nanti.

16. (1) menonton (2) menolehkan (3) menumpukan (4) memerhatikan
17. (1) seni (2) topik (3) kerja (4) sukan
18. (1) terbaik (2) terindah (3) tercantik (4) termahal
19. (1) di (2) ke (3) dari (4) pada
20. (1) dan (2) atau (3) jikalau (4) supaya

# Kertas 2 (90 markah)

**KEFAHAMAN 1 (10 MARKAH)**

**Arahan:** Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Kegemukan atau obesiti merupakan satu masalah kesihatan yang semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat merata dunia. Obesiti bermaksud pengumpulan lemak yang berlebihan di dalam badan manusia. Berat badan seseorang itu akan melebihi **tahap** biasa. Keadaan itu akan menjejaskan kesihatan seseorang kerana saiz atau jumlah lemak di dalam badan bertambah.

Terdapat beberapa perkara yang menyebabkan obesiti. Umur yang meningkat boleh menyebabkan masalah obesiti kerana kadar metabolisme semakin berkurangan. Selain itu juga, kaum wanita lebih mudah mengalami masalah obesiti berbanding dengan kaum lelaki. Hal ini kerana kaum wanita mempunyai kadar metabolisme yang rendah. Perkara ini berkaitan dengan saiz badan kaum wanita yang lebih kecil berbanding dengan kaum lelaki. Metabolisme bermaksud proses yang menukar makanan menjadi tenaga di dalam tubuh manusia. Kurang melakukan senaman dan tidak menjaga pemakanan juga akan menyebabkan obesiti.

Obesiti juga boleh menyebabkan seseorang itu mengalami penyakit seperti penyakit jantung, tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi dan masalah tidur. Seseorang yang mengalami obesiti tidak akan dapat menjalankan tugas seharian dengan sempurna apabila mengalami penyakit-penyakit tersebut. Aktiviti-aktiviti dan jadual harian turut terjejas. Emosi seseorang boleh terganggu kerana tidak dapat menyelesaikan tugas dengan baik.

Kajian terkini membuktikan bahawa masalah kurang tidur turut menyebabkan obesiti atau kegemukan. Kurang tidur akan menyebabkan hormon di dalam badan terganggu. Badan akan bertindak balas apabila otak menerima isyarat seseorang itu tidak mendapat tidur yang secukupnya. Perkara ini akan menyebabkan seseorang mengambil lebih banyak makanan yang bergula dan berlemak. Penambahan kalori yang lama-kelamaan akan menyebabkan penambahan berat badan yang berlebihan atau obesiti.

Pakar kesihatan telah menasihatkan supaya sentiasa mengawal dan menjaga pemakanan untuk orang-orang yang mengalami obesiti. Bersenam pada setiap hari juga akan dapat mengatasi masalah **itu**. Amalan hidup sihat memang penting supaya pelbagai penyakit dapat dijauhkan.

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut. Kemudian, lorek bujuran bernombor di Kertas OAS yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

**21** Obesiti membawa erti ____________.

(1) saiz dan lemak
(2) kadar metabolisme
(3) kesihatan yang terjejas
(4) pengumpulan lemak berlebihan

**22** Umur yang meningkat akan menyebabkan ____________.

(1) beberapa perkara
(2) pemakanan yang tidak dijaga
(3) kekurangan kadar metabolisme
(4) perbandingan dengan kaum lelaki

**23** Emosi seseorang yang mengalami obesiti akan terganggu kerana tidak __________.

(1) ada tenaga
(2) mudah jatuh sakit
(3) mengalami penyakit
(4) dapat melakukan tugas dengan baik

**24** Dalam perenggan lima, perkataan 'itu' merujuk kepada ____________.

(1) masalah obesiti
(2) pakar kesihatan
(3) aktiviti bersenam
(4) penjagaan makanan

**25** Perkataan 'tahap' dalam perenggan satu bermaksud ____________.

(1) pasukan
(2) peringkat
(3) kelompok
(4) kumpulan

(lihat halaman sebelah)

# Kertas 2 (90 markah)

**FRASA (8 MARKAH)**

**Arahan:** Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis nombor jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan di dalam Buku Jawapan.

(1) borang penyertaan
(2) pada akhir bulan ini
(3) teruja dan tidak sabar
(4) meminta keizinan ibu bapa
(5) marah dan tidak berpuas hati
(6) dari waktu pagi hingga ke waktu petang

Fizah : Selamat pagi, Cikgu Maznah.

Cikgu Maznah : Selamat pagi, Fizah. Ada apa-apa yang boleh saya bantu?

Fizah : Sebenarnya saya ingin menyertai Perkhemahan Bina Semangat yang akan diadakan (26).

Cikgu Maznah : Sudah tentu boleh. Saya akan memberi kamu sekeping brosur dan (27).

Fizah : Terima kasih, Cikgu. Saya akan (28) saya terlebih dahulu sebelum mengisi butiran lanjut yang diperlukan.

Cikgu Maznah : Kebenaran para waris sudah pasti. Saya mendapati ramai murid berasa (29) untuk menyertai perkhemahan ini.

Fizah : Memang betul, Cikgu. Maklumlah, ini tahun akhir kami berada di sekolah rendah.

(lihat halaman sebelah)

**KEFAHAMAN 2: RANGSANGAN GRAFIK (10 MARKAH)**

**Arahan:** Teliti catatan diari yang berikut.

## DIARI ABU

**Isnin, 18 Mac 2021**
**Sehari bersepatu roda dengan rakan-rakan, David dan Muthu**

**8.00 pagi**
Aku mengeluarkan sepatu roda yang merupakan hadiah hari lahirku pada tahun lalu. Aku, David dan Muthu akan bermain sepatu roda di Taman Wangi. Tepat pukul 8.00 pagi, kami menuju ke sana.

**9.00 pagi**
Aku meneliti peta Taman Wangi untuk mengenal pasti jalan yang paling sesuai digunakan.
Terdapat beberapa kemudahan di situ. Di taman itu menyediakan tempat untuk menyewa sepatu roda. Harga sewa untuk sepasang sepatu roda berpatutan.

**10.30 pagi**
Terdengar kata-kata Muthu bahawa dia masih belum cekap bersepatu roda.
"Bersepatu roda memerlukan kemahiran. Saya harus banyak berlatih. Jikalau saya sudah mahir, saya mahu membeli sepasang sepatu roda yang lebih mahal. Saya tidak perlu pinjam sepatu roda Abang saya lagi," kata Muthu.

**11.30 pagi**
Kami berehat. Ada mesin layan diri. Kami pun membeli minuman dan makanan ringan.
"Jauh juga kita bersepatu roda. Padahal kita tidak bergerak dengan laju," kata David.

**1.00 tengah hari**
Kami singgah di pusat makanan. Dengan adanya panduan yang disediakan, kami dapat menggunakan kemudahan menyimpan sepatu roda kami sewaktu makan.
Wah, kami dapat mengetahui sesuatu yang baharu!

**4.00 petang**
Kami selamat pulang ke rumah. Saya mendapati aktiviti ini tidak memerlukan belanja yang besar.
Kita harus mengutamakan keselamatan ketika bersepatu roda.
Pakai topi keledar dan pelindung siku dan lutut.
Patuhi juga peraturan dan papan tanda yang disediakan.

**Arahan:** Berdasarkan brosur di halaman 10, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis nombor jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan di dalam Buku Jawapan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di dalam Buku Jawapan.

**30** Sepatu roda kepunyaan Abu merupakan sepatu roda yang ____________.

(1) dibelinya
(2) disewanya
(3) dihadiahkan kepadanya
(4) dipinjamkan kepadanya

**31** Abu meneliti peta Taman Wangi untuk ___________.

(1) mengenal pasti jalan
(2) menyimpan sepatu roda
(3) membeli makanan ringan
(4) menggunakan mesin layan diri

**32** Abu mendapati bahawa aktiviti bersepatu roda tidak memerlukan __________

(1) kemahiran
(2) waktu rehat
(3) pergerakan yang laju
(4) perbelanjaan yang besar

**33** Berikan dua perkara yang patut dilakukan oleh pemain sepatu roda untuk menjaga keselamatan mereka. (4 markah)

# Kertas 2 (90 markah)

**KEFAHAMAN 2 (22 markah)**

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Hairul membelek-belek jam tangannya yang buruk itu. Dia risau jikalau dia terlambat untuk sesi temu duga di sebuah pejabat. Hairul mengeluh. Kali ini sudah kali ketiga dia menghadiri temu duga untuk mendapatkan pekerjaan. Hairul tertekan kerana harus mendapatkan wang untuk menampung perbelanjaan keluarganya dengan segera. Hairul tidak pernah terfikir betapa susahnya untuk mendapat pekerjaan walaupun dia belajar sehingga peringkat universiti. Pada mulanya, Hairul memang memilih dengan pekerjaan yang dia mahu tetapi setelah tiga kali tidak berjaya untuk mendapatkan peluang bekerja, dia sedar bahawa dia tidak boleh terlalu cerewet. Dia hanya mahu mendapatkan pekerjaan yang dapat menampung kehidupan keluarganya.

"Apalah nasibku ini. Walaupun lulus peperiksaan sehingga peringkat universiti, masih susah hendak mendapat pekerjaan," rungut Hairul pada dirinya sendiri.

Di dalam bas, ketika dalam perjalanan ke tempat temu duga, Hairul termenung memikirkan nasibnya. Sebagai anak sulung, Hairul harus menjaga kedua-dua orang adiknya yang masih bersekolah di sekolah rendah. Ayahnya tidak dapat berjalan lagi setelah terlibat dalam sebuah kemalangan jalan raya pada dua tahun yang lalu. Ibunya pula baru disahkan menghidap penyakit jantung. Dia juga harus membiayai kos rawatan ibunya. Walaupun banyak yang perlu difikirkan, Hairul tetap bersyukur kerana dia berpeluang menamatkan pelajarannya. Ibunya selalu berpesan bahawa pelajaran amat penting dan akan membantu mereka sekeluarga mengatasi masalah kemiskinan. Atas nasihat dan dorongan ibu, Hairul belajar bersungguh-sungguh sehingga dia menyelesaikan pelajarannya sehingga ke menara gading.

"Jikalau kali ini aku gagal lagi, apakah yang akan aku lakukan?" tanya Hairul lagi.

Hairul tidak pernah berputus asa. Dia selalu teringat akan ibu dan adik-adiknya yang memberikannya kata-kata semangat. Hairul juga telah berjanji dengan dirinya untuk cuba sehingga berjaya. Hairul berjalan ke arah bilik temu duga. Pada kali ini, Hairul mahu meyakinkan bakal majikannya tentang kebolehannya itu. Sebelum memasuki bilik itu, dia menarik nafas lega dan mengukirkan senyuman lebar serta membetulkan pakaiannya supaya kelihatan kemas dan bersih. Hairul lebih bersedia untuk temu duga pada kali ini. Hairul senyum dengan tenang ke arah pegawai yang akan menemu duganya. Hairul juga lebih yakin untuk menjawab soalan-soalan yang ditanyakan kepadanya.



**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 12, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di dalam Buku Jawapan.

34 Nyatakan sebab Hairul mengeluh. (2 markah)

35 Hairul tidak boleh terlalu cerewet apabila memilih pekerjaan. Berikan dua sebab. (4 markah)

36 Apakah yang dilakukan oleh Hairul ketika dalam perjalanan ke tempat temu duga itu? (2 markah)

37 Hairul seorang anak yang bertanggungjawab. Buktikan. (4 markah)

38 *"Hairul tidak pernah berputus asa"*. Berikan dua sebab dia berlaku sedemikian. (4 markah)

39 Bayangkan diri kamu Hairul. Kawan kamu, Raihan akan pergi ke sesi temu duga pada bulan hadapan. Kamu harus memberitahunya tentang dua perkara yang boleh diberi perhatian oleh Raihan sebelum memasuki ke bilik temu duga itu.

Gunakan informasi dalam petikan karangan di halaman 12 untuk melengkapkan nota di bawah ini. (4 markah)

> Raihan,
>
> Sebelum awak memasuki ke bilik temu duga itu, ____.

40 Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. (2 markah)

(a) tidak memuaskan hati

(b) ada kesempatan

Selesai

# Kertas 2 (90 markah) – Kertas Jawapan

FRASA (8 MARKAH)

26

27

28

29

KEFAHAMAN 2: RANGSANGAN GRAFIK (10 MARKAH)

30

31

32

33 Berikan dua perkara yang patut dilakukan oleh pemain sepatu roda untuk menjaga keselamatan mereka. (4 markah)

(lihat halaman sebelah)

KEFAHAMAN 2 (22 MARKAH)

34 Nyatakan sebab Hairul mengeluh. (2 markah)

35 Hairul tidak boleh terlalu cerewet apabila memilih pekerjaan. Berikan dua sebab. (4 markah)

# Kertas 2 (90 markah) – Kertas Jawapan

36 Apakah yang dilakukan oleh Hairul ketika dalam perjalanan ke tempat temu duga itu? (2 markah)

37 Hairul seorang anak yang bertanggungjawab. Buktikan. (4 markah)

(lihat halaman sebelah)

38 "*Hairul tidak pernah berputus asa*". Berikan dua sebab dia berlaku sedemikian. (4 markah)

39 Bayangkan diri kamu Hairul. Kawan kamu, Raihan akan pergi ke sesi temu duga. Kamu harus memberitahunya tentang dua perkara yang harus diberi perhatian oleh Raihan sebelum memasuki ke bilik temu duga itu.

Gunakan informasi dalam petikan karangan di halaman 12 untuk melengkapkan nota di bawah ini. (4 markah)

Raihan,

Sebelum awak memasuki ke bilik temu duga itu, __________

40 Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. (2 markah)

(a) tidak memuaskan hati

(b) ada kesempatan

Selesai

# Panduan Menulis Jawapan di Kertas Jawapan



- **Tidak boleh** menggunakan pena penyerlah
- **Tidak boleh** menggunakan pita pembetulan
- Harus gunakan pena 'ballpoint'
- Harus menulis jawapan dalam kotak ruangan yang disediakan
- Minta kertas jawapan tambahan sekiranya ruang menulis jawapan tidak mencukupi

# Strategi Penulisan-SAMMBoB

Strategi Penulisan ini diperkenalkan oleh Guru Peneraju Sekolah Rendah Townsville Cikgu Ghazali Md Ibrahim pada tahun 2019. Sekolah Rendah Greendale telah menjalani sesi percubaan bagi projek ini pada tahun 2018.






**PAGMaD**

- Perasaan
- Aksi (Kata Kerja)
- Gambaran
- Minda
- Dialog

S + A[B]
SIAPA APA

Formula 1

S + A[B] + B[P]
SIAPA APA BAGAIMANA

Formula 2

S + A[B] + B[C]
SIAPA APA BAGAIMANA

Formula 3

S + A [B]

SIAPA APA

## Formula 1

Ana sedang menjahit baju.

S + A [B] + B [P]

SIAPA APA BAGAIMANA

## Formula 2

Ana sedang menjahit baju dengan gembira.

S + A [B] + B [C]

SIAPA APA BAGAIMANA

## Formula 3

Ana sedang menjahit baju dengan teliti.

# Aksi

Bina 3 baris ayat




1. S + A + Mana
2. S + A + Bila
3. S + A + Bagaimana + Mengapa

# Aksi

Bina 3 baris ayat




1. Ana dan rakan-rakannya berada di Kebun Bunga Singapura.
2. Mereka ke sana pada pagi Sabtu yang lalu.
3. Mereka ke sana dengan ghairah kerana itu adalah kali pertama mereka ke Kebun Bunga Singapura.

# Tempat atau Arah

S + A[B] + Mana

SIAPA APA

**Tempat: di, ke, dari**

**Arah : daripada, kepada, pada**

# Masa

S + A (B) + Bila

SIAPA — APA

| | | |
|---|---|---|
| selepas | sewaktu | sementara |
| setelah | tatkala | sejak |
| sesudah | ketika | |
| sebelum | apabila | hingga |

# Sebab

S + A[B] + Mengapa[1]

SIAPA

APA

Kerana
Sebab

# Penanda masa

Sebelum itu,
Mula-mula,
Saat itu,
Detik itu,
Waktu itu,
Kemudian,
Selepas itu,
Setelah itu,
Selanjutnya,
Sejurus itu,



# Penanda masa

Ketika S + A,

Selepas S + A,

Setelah S + A,

Selepas ___ minit berlalu,

Setelah ___ jam berlalu,

Beberapa saat/minit/jam/hari/bulan kemudian,

# GAMBARAN

**PANCAINDERA**

**Bau**

busuk hanyir tengik hapak wangi harum

**Rasa**

sedap enak lazat manis tawar masam pahit kelat
kelat pedas lemak

**Pandang**

cantik molek comel ayu segak hodoh buruk anggun kacak

**Dengar**

merdu mersik bising hingar bingar riuh riang

**Sentuh**

halus kasar licin gerutu keras lembut lembik panas
sejuk dingin



| | |
|---|---|
| Cuaca | Panas terik |
| Masa | Pada hari Khamis, pukul empat petang |
| Watak utama | Kasim |
| Suasana | Riuh-rendah |

**Contoh**

Matahari memancar terik di langit pada hari Khamis yang lalu. Jam sudah pun menunjukkan pada pukul empat petang. Kasim sedang bermain bola sepak di padang bola. Dia bermain bola sepak dengan teman-temannya. Suasana di padang riuh-rendah dengan sorakan dan gelak ketawa mereka.



| | |
|---|---|
| Cuaca | Hujan ribut |
| Masa | Pada hari Sabtu, pukul lapan malam |
| Watak utama | Farhan |
| Suasana | Gelap, sejuk |

**Contoh**

**Sabtu itu, hujan lebat membasahi bumi. Jam sudah pun menunjukkan pada pukul lapan malam. Farhan sedang berehat di atas sofa sambil merenung ke luar jendela. Kilat sambar-menyambar di langit. Bunyi guruh yang berdentam-dentum memeranjatkan Farhan. Suasana di kawasan perumahannya terlalu gelap dan sejuk.**

# MINDA



# Minda

Ayat-ayat yang tergolong dalam komponen ayat minda memperkatakan perkara-perkara yang tersimpan dalam minda watak.

**FN + FN**

Ayah seorang guru.
Ali seorang pelajar.

**FN + FA**

Ayah sangat garang.
Ali sangat rajin.
Dia kejam.

# Minda

## FN + FK (KATA BANTU)

Lina akan tidur. (Kata bantu ‘akan’ – belum melakukan Aksi)

Lina telah tidur. (Kata bantu telah’ – setelah melakukan Aksi)

Lina ingin tidur.  (Semua kata bantu Ragam)

Ayat Minda juga memperlihatkan **fikiran** watak (niat, keinginan, keazaman, prasangka, motivasi dan sebagainya).

| | | |
|---|---|---|
| Berharap | Percaya | Yakin |
| Berhasrat | Berjanji | |

- Ali **berharap** agar…
- Ali yakin bahawa …
- Ali percaya bahawa …
- Ali berhasrat untuk …

# DIALOG



# Penanda Dialog

Penanda dialog digunakan untuk menunjukkan siapa yang sedang bertutur.  Penanda dialog dapat dipelbagaikan dengan menggunakan perkataan yang menunjukkan perasaan atau aksi watak.

Contoh :

Ali berkata**,** “Dia cantik**.**”

Ali tersenyum lalu memuji**,** “Dia cantik**.**”

**Contoh Penanda Dialog:**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **balas** | **celah** | **janji** | **puji** | **rungut** |

| Penggunaan tanda baca yang BETUL | Penggunaan tanda baca yang SALAH |
| --- | --- |
| 1. “Janganlah merajuk,” Hadi memujuk adiknya. | 1a. “Janganlah merajuk.” Hadi memujuk adiknya.<br><br>* tanda titik ( . ) hanya hadir pada akhir ayat sahaja. |
| 2. “Janganlah merajuk,” Hadi memujuk adiknya. | 2a. “Janganlah merajuk,” Hadi memujuk adiknya.<br><br>* perlu ada tanda koma ( , ) pada akhir dialog. |
| 3. Hadi memujuk adiknya, “Janganlah merajuk.” | 3a. Hadi memujuk adiknya, “Janganlah merajuk.”<br><br>* <u>huruf besar</u> harus digunakan untuk memulakan dialog.<br><br>* perlu ada tanda koma ( , ) pada akhir dialog. |

# Proses Mengarang Karangan Bergambar

Peringkat Menjana Idea

1. Teliti setiap gambar  dan kenal pasti Aksi Utama dan Sampingan
2. Gunakan **PAGMaD** untuk menjana setiap elemen.

Contoh: Perasaan watak?

Gambaran latar / watak? (penulis / watak)

Minda watak?

Dialog watak?

# Proses Mengarang Karangan Bergambar

<u>Peringkat Menulis</u>

1. Gunakan PAGMaD dan pilih jenis ayat yang hendak digunakan dalam setiap perenggan.

- Struktur yang lazim bermula dengan Gambaran.
- Namun, pelajar boleh mula menulis dengan Perasaan, Aksi , Minda atau **Dialog**.
- Setiap perenggan tidak hanya terbatas dengan penggunaan 5 Jenis Ayat. ( Bergantung kepada tahap efikasi menulis pelajar)

# Contoh PAGMaD

Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa pada petang Jumaat itu. Pada ketika itu,  Hani dan Liza melihat ramai murid berjalan ke menuju ke pagar sekolah. Mereka sedang berjalan keluar dari sekolah. Kemudian, Hani bertanya kepada Liza ketika mereka sedang berjalan. Dia mahu meminjam buku baharu Liza kerana buku itu sangat menarik. Selepas itu, Liza pun meminjamkan buku itu dengan gembira kepada Hani. Dia pun tersenyum.

“ Tentu boleh!” kata Liza.

Hani berasa ghairah kerana buku itu sukar hendak dicari. Hani berharap semoga dia dapat selesai membaca buku itu dalam masa beberapa hari nanti.

# Tips untuk Ibu Bapa

## Menggalak aktiviti membaca di rumah

◎ Meluangkan masa selama 30 minit sekurang-kurangnya dua kali seminggu untuk aktiviti membaca bersama keluarga

## Pilihan buku

◎ Cerita pendek (P5 & P6)

◎ Novel (P5)

◎ Buku cerita bahasa Melayu



## Mencatat kosa kata

- Mencatat kosa kata baharu berserta makna dalam buku nota

## Pujian

◎ Puji anak anda ketika dia berjaya bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik atau ketika membaca buku cerita bahasa Melayu